



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU / 8 NOVEMBER 2023

- 1. TIADA BEKALAN BENIH PADI JEJAS MUSIM TANAMAN – BERITA HARIAN**
- 2. PESAWAH TERTEKAN – HARIAN METRO**
- 3. HARAPAN PELADANG PADA MAT SABU – UTUSAN MALAYSIA**
- 4. 20 PERUNCIT JUAL BENIH PADI SAH DITARIK LESEN SERTA MERTA – UTUSAN MALAYSIA**
- 5. BENIH PADI DI PERAK MENCUKUPI – UTUSAN MALAYSIA**
- 6. HARGA BENIH PADI ‘CEKIK DARAH’ PESAWAH – UTUSAN MALAYSIA**
- 7. ‘BEKALAN LAMBAT, KAMI BELI BENIH PADI SENDIRI’ - KOSMO**

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 8 NOVEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Tiada bekalan benih padi jejas musim tanaman



Hanya 10.6 peratus jelapang padi di Kedah dan Perlis dapat memulakan musim tanaman baharu 2023/24.
(Foto hiasan)

Alor Setar: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mendedahkan hanya 10.6 peratus jelapang padi di Kedah dan Perlis dapat memulakan musim tanaman baharu 2023/24 akibat masalah ketiadaan bekalan benih padi sah (BPS).

Pengerusinya, Datuk Dr Ismail Salleh, berkata jumlah itu adalah jauh lebih rendah berbanding jadual ditetapkan MADA yang sepatutnya sudah mencapai lebih 50 peratus apabila musim tanaman bermula September lalu.

Beliau berkata, kelewatan disebabkan pesawah sukar mendapatkan BPS pada harga RM45 setiap 20 kilogram (kg) daripada pembekal dilantik kerajaan dengan pilihan yang ada adalah membelinya daripada peruncit pada harga lebih RM50. "Jika ikut jadual penanaman

musim 2023/24, sejumlah 33,580 hektar atau 30 peratus kawasan sawah MADA sepatutnya selesai menabur benih padi mulai 27 September hingga 11 November ini.

"Fasa kedua menabur ialah 7 Oktober hingga 21 November membabitkan kawasan seluas 32,900 hektar dan fasa ketiga bermula 17 Oktober hingga 1 Disember merangkumi 34,161 hektar.

"Mengikut jadual, sepatutnya lebih 50 peratus kawasan sudah memulakan tanaman baharu, tapi hanya 10.6 peratus dapat melakukan proses itu," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Dr Ismail berkata, pesawah gagal mendapatkan BPS disalurkan pembekal kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Beliau turut dimaklumkan

peningkatan harga runcit BPS lebih RM50 setiap 20kg turut menyebabkan pesawah di luar kawasan tanaman MADA berhadapan masalah.

"Kawasan luar MADA hanya mencapai 10 peratus proses menabur benih kerana harganya terlalu tinggi dan menjejaskan hasil selepas padi dituai.

"Hanya PPK tertentu mendapat bekalan BPS pada harga ditetapkan kerajaan, sedangkan pembekal swasta menggunakan ejen bagi menjual benih padi pada harga lebih RM50 setiap 20 kg.

"Sepatutnya, Bahagian Kawalselia Padi dan Beras ambil tindakan tegas kepada ejen swasta ini kerana tidak memberi kerjasama dan tidak patuh arahan kerajaan dengan ini menunjukkan sikap degil mereka," katanya.

KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH : 8 NOVEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA



HANYA kira-kira 10.6 peratus jelapang padi di Kedah dan Perlis dapat memulakan musim tanaman baharu 2023/24 akibat masalah ketiadaan bekalan BPS.

HARGA BENIH PADI SAH NAIK MENDADAK

Pesawah tertekan!

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
am@hmetro.com.my

Alor Setar

Pesawah di negeri ini kian tertekan apabila harga benih padi sah (BPS) mengalami kenaikan harga mendadak sekali gus merencatkan musim penanaman padi.

Perkara itu didedahkan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) yang mendapati hanya kira-kira 10.6 peratus jelapang padi di Kedah dan Perlis dapat memulakan musim tanaman baharu 2023/24 akibat masalah ketiadaan bekalan BPS.

Pengerusinya, Datuk Dr Ismail Salleh, berkata jumlah itu adalah jauh dari jadual ditetapkan Mada yang sepatutnya sudah mencapai lebih 50 peratus apabila musim tanaman bermula September lalu.

Jelasnya, punca utama berlaku kelewatan adalah kerana pesawah sukar mendapatkan BPS pada harga RM45 per 20 kilogram (kg) daripada pembekal dilantik kerajaan.

"Pilihan yang ada adalah membelinya daripada peruncit pada harga lebih

RM50.

"Jika ikut jadual penanaman musim 2023/24, sejumlah 33,580 hektar atau 30 peratus kawasan sawah Mada sepatutnya selesai menabur benih padi mulai 27 September hingga 11 November ini.

"Fasa kedua menabur pula bermula 7 Oktober hingga 21 November memabitkan kawasan seluas 32,900 hektar dan fasa ketiga bermula 17 Oktober hingga 1 Disember pula merangkumi 34,161 hektar.

"Jika jadual menabur me-

ngikut jadual, sepatutnya sudah lebih 50 peratus kawasan sudah memulakan tanaman baharu, tapi yang berlaku hanya 10.6 peratus dapat melakukan proses itu," katanya semalam.

Dr Ismail berkata, punca utama kelewatan ini berlaku adalah kerana pesawah gagal mendapatkan BPS yang disalurkan pembekal kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Jelasnya, beliau turut dimaklumkan peningkatan harga runcit BPS yang kini berharga lebih RM50 per 20 kg turut menyebabkan pesawah yang berada di luar kawasan tanaman Mada berhadapan masalah.

“Pilihan yang ada adalah membeli daripada peruncit pada harga lebih RM50”
Dr Ismail

Harapan peladang pada Mat Sabu

GHULAM SARVER MOBARAK ALI

SEMPENA Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan (PPNPK) 2023 di Ipoh, Perak pada 10 hingga 12 November ini, sebagai peladang berskala kecil sejak tiga dekad lalu, saya menaruh harapan tinggi kepada kepimpinan Datuk Seri Mohamad Sabu atau lebih mesra disapa Mat Sabu yang menerajui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) agar mengupayakan setiap jabatan dan agensi di bawahnya dengan penyampaian perkhidmatan bermutu.

Kita tidak boleh merayur- rayu meminta negara luar mengeksport makanan penting seperti beras, ayam dan telur. Negara mampu menghasilkan semua produk itu. Beberapa cabaran dan kelemahan boleh diatasi dengan tindakan pembetulan segera jentera KPKM.

Rakyat kini berhadapan kesukaran memperoleh makanan dengan harga patut akibat beberapa sebab seperti peperangan Russia-Ukraine, perubahan iklim, kesan El Nino dan kejatuhan nilai mata wang negara. Faktor makanan merupakan faktor utama sesebuah kerajaan kelihatan lemah. Akibatnya, negara akan mengalami gangguan ketidastabilan politik.

Hasil penelitian tentang cabaran pertanian negara, saya mencadangkan beberapa langkah jangka pendek yang dapat meningkatkan lagi sekuriti makanan negara.

Pertama, pelaksanaan penilaian sendiri secara jujur perkhidmatan dan produktiviti jentera KPKM. Mulakan dengan bedah siasat ucapan bekas menternya, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub pada 6 Januari 2020 kepada warga kementerian. Tidak pernah seorang menteri lantang secara terbuka melahirkan kekecewaan dengan prestasi kementerian diterajunya. Jelas beliau meluahkan isi hati cara kementerian berfungi dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan



PENULIS menaruh harapan tinggi kepada Mohamad Sabu agar mengupayakan setiap jabatan dan agensi di bawah kementerian dengan penyampaian perkhidmatan bermutu. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

“Setelah tiga tahun mesyuarat, ‘kerangka-kerangka’ diadakan, apakah hasilnya difahami dan dilaksanakan di peringkat daerah?”

sekali gus mengeluarkan peladang, penternak dan nelayan daripada belenggu kemiskinan berpanjangan.

Antara lain katanya, “Objektif utama MOA (Kementerian Pertanian) wujud adalah untuk membekalkan makanan yang secukupnya kepada negara. Saya akan merombak polisi yang lupuk dan ketinggalan zaman. Bukan masa untuk kita bermain-main dengan tugas yang diberikan kepada kita dan saya akan memastikan bahawa segala punca kuasa yang ada pada saya akan saya laksanakan sepenuhnya. Saya mahu

MOA memastikan semua arahan dari saya melalui KSU (Ketua Setiausaha) mesti dilaksanakan dengan sempurna. Jangan lupa golongan sasar di luar sana sangat mengharapkan sentuhan kasih dari tangan kita.”

Bukan sekadar mengambil iktibar ucapan Salahuddin dalam majlis itu sahaja diteliti, kata-katanya semasa memengerusikan pelbagai mesyuarat di KPKM dikumpul untuk dijadikan panduan dan kajian kes. Salahuddin dikesan menggunakan kaedah ‘mata hati’ bagi memahami aspirasi rakyat sebab telah lama berkecimpung dalam politik. Salahuddin faham kesukaran rakyat mendapatkan perkhidmatan jabatan kerajaan akibat kerenah birokrasi.

KRITIKAL, KREATIF

Kedua, KPKM mengambil langkah transformasi dan usaha memperkasakan semua pejabat peringkat daerah seperti Pejabat Pertanian, Pejabat Veterinar, Pejabat Perikanan dan sebagainya dengan memastikan kepimpinan, ilmu, kemahiran dan integriti pegawai berada pada tahap tinggi.

Merekalah yang membantu pengusaha pertanian menangani permasalahan melalui pemikiran kritikal dan kreatif. Dasar-dasar pertanian dan agromakanan yang digubal akan gagal jika pejabat-pejabat ini tidak dibantu dengan memastikan keberkesanan perkhidmatan. Pegawai di peringkat daerahlah yang berada di barisan hadapan memastikan dasar dan arahan KPKM dijayakan.

Di peringkat KPKM, menteri dan pegawai tinggi mengumumkan bermacam-macam rancangan tentang kedaulatan makanan, namun kementerian hendaklah memastikan pegawai di peringkat daerah faham dan bersedia melaksanakannya. Contohnya, media massa pada 25 Oktober lalu melaporkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara menentang lapan kertas kerja dalam memastikan keterjaminan dan kestabilan makanan selamat serta mencukupi. Adakah pegawai-pegawai di peringkat daerah sebagai pelaksana faham dan seterusnya berupaya menterjemahkan cadangan-cadangan itu? Kejayaan sesuatu dasar bergantung

sejauh mana ia dilaksanakan, bukan sekadar tinggal catatan sahaja.

Sebelum itu, mesyuarat pada 8 September 2020 memperakui cadangan Kerangka Sekuriti Makanan Negara oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (FOA). Di bawah kerangka berkenaan, empat kluster diwujudkan di bawah tiga kementerian dan satu agensi berfungsi menentang isu dan cadangan penyelesaian berhubung rantaian sistem makanan serta pelaksanaan strategi yang dikenal pasti.

Setelah tiga tahun mesyuarat, ‘kerangka-kerangka’ diadakan, apakah hasilnya difahami dan dilaksanakan di peringkat daerah?

Ketiga, KPKM berusaha mengurangkan kerenah birokrasi terutama membabitkan isu pemberian insentif, subsidi, perolehan, khidmat nasihat serta tempoh menunggu yang dikesan mengganggu usaha merencanakan pengeluaran makanan negara.

Keempat, surat, e-mel dan aduan permasalahan serta pandangan peladang, penternak, nelayan dan pelanggan lain hendaklah diterima secara positif oleh KPKM. Sikap defensif mempertahankan pegawai kementerian tanpa penyelesaian masalah secara munasabah tidak membawa kemajuan.

Kelima, KPKM mempergiatkan konsep gagasan *rahmatan lil’alamin* di semua jabatan dan agensinya berfokus kepada pengurusan yang berkesan, cekap, peduli rakyat, telus dan berintegriti. Di samping itu, sikap empati pegawai akan membantu mereka memahami pelbagai cabaran dilalui oleh pihak yang menceburkan diri dalam bidang pertanian mengikut kerangka kemanusiaan dan bertanggungjawab.

Golongan pengusaha pertanian seluruh negara menghargai usaha kerajaan mengadakan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan sebagai pengiktirafan kepada mereka yang terlibat dalam bidang pertanian.

PENULIS ialah peladang dari Bedong, Perak.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 8 NOVEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Jual melebihi harga RM45 yang ditetapkan kerajaan

20 peruncit jual benih padi sah ditarik lesen serta-merta

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Sebanyak 20 peruncit yang menjual benih padi sah (BPS) melebihi harga RM45 yang ditetapkan kerajaan ditarik lesen serta-merta dan tidak dibenarkan menjual BPS kepada pesawah.

Mengesahkan perkara itu kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood berkata, tindakan itu dilaksanakan bermula hari ini berikutan aduan daripada golongan pesawah yang sukar mendapatkan bekalan benih padi manakala harganya melambung tinggi.

Untuk itu, katanya, tindakan penguatkuasaan dilaksanakan bagi menyemak kesemua 439 peruncit benih padi di seluruh negara bagi memastikan tidak ada mana-mana pihak melanggar harga jualan yang ditetapkan.

Tegas beliau, semua peruncit benih padi terutama di Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak yang didapati melanggar harga jualan itu, surat kebenaran jualan benih padi akan dibatalkan serta-merta.

"Saya sebagai Ketua Pengarah boleh membatalkan serta-merta surat jualan dan setakat ini terdapat 20 syarikat di Kedah



SEORANG pesawah membuat persediaan untuk memulakan musim baharu tanaman padi walaupun berdepan isu bekalan dan harga benih.

sudah dibatalkan kerana menjual melebihi harga ditetapkan.

"Jika ada pesawah atau pihak berkenaan mempunyai bukti, tolong hantar laporan kepada kita melalui agensi Kawal Selia Padi dan Beras di empat negeri tersebut supaya kita boleh membatalkan serta-merta surat kebenaran jualan mereka," katanya di sini semalam.

Dalam pada itu, Azman berkata, kerajaan memberi jaminan stok bekalan BPS adalah mencukupi untuk kerja-kerja menanam musim kedua padi terutama di Perlis dan Kedah.

Beliau berkata, pengeluaran benih padi adalah dilaksanakan secara berperingkat bagi keperluan kawasan bertanam di utara yang memerlukan sekitar

900,000 kampak benih untuk tanaman musim kedua ini.

Menurut beliau, setakat ini, sebanyak 420,065 kampak benih sudah diluluskan bagi kegunaan di Kedah dan Perlis dengan rekod pengeluaran 89,723 kampak benih pada 18 Oktober lalu, 151,200 kampak benih pada 26 Oktober dan 179,142 kampak benih pada 3 November 2023.

Pada masa sama, kata beliau, terdapat sekitar 914,225 kampak benih masih dalam proses kelulusan makmal oleh Jabatan Pertanian yang akan diluluskan pengeluaran secara berperingkat setiap minggu.

"Pengeluaran benih padi secara mingguan kerana ia mempunyai tempoh jangka hayat iaitu tidak boleh digunakan melebihi tiga atau empat bulan sahaja.

"Stok benih padi adalah mencukupi dan fasa kedua menabur benih padi masih belum berakhir dan masih berada dalam tempoh yang akan berakhir pada 21 November ini. Sekarang masih dalam tempoh fasa satu menabur yang hanya berakhir pada 11 November ini.

"Maknanya semua kena bersabar. Sekarang ini di Kedah musim hujan, kalau tabur benih sekarang air bertakung menyebabkan benih tidak boleh tumbuh dan perlu me-

nabur sekali lagi menyebabkan berlaku pembaziran, jadi kena selari dengan cuaca sekarang," katanya di sini semalam.

Azman berkata, kerajaan memberikan subsidi benih padi sebanyak RM1.03 per kilogram (kg) dan pesawah memerlukan sekitar tujuh hingga 10 beg (1 beg bersamaan 20 kg) untuk keluasan satu hektar sawah yang memerlukan 140 kg hingga 200 kg.

Mengulas lanjut, Azman berkata, berdasarkan semakan setakat ini, tidak ada unsur-unsur menyorok benih kerana setiap pengeluar dilantik oleh kerajaan.

Cuma, katanya, mereka tidak boleh lagi menjual pada masa ini kerana masih tidak ada kelulusan di pihak makmal yang dipantau setiap minggu.

"Pengeluaran adalah secara berperingkat, kita tidak boleh mengeluarkan secara besar-besaran kerana dikhawatiri akan ada manipulasi atau penipuan dengan menukar kepada benih padi tidak sah," katanya.

Beliau turut memberitahu, benih padi tidak boleh diimport kerana 12 pengeluar berlesen itu menggunakan varieti padi yang disahkan, diproses secara kawalan di makmal bagi mengelak jangkitan penyakit dan melalui penilaian biosekuriti negara.

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 8 NOVEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Benih padi di Perak mencukupi

BAGAN SERAI: Golongan pesawah di negeri ini tidak perlu bimbang tentang stok benih padi kerana bekalannya sentiasa mencukupi.

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Perak, Datuk Sham Mat Sahat berkata, untuk itu, golongan berkenaan diminta tidak mempercayai khabar angin tentang kekurangan stok benih dan berlaku suasana panik.

“Sehinggakan ada yang membeli benih padi tidak sah. Tindakan itu merugikan pesawah dan yang mendapat untung ialah pihak yang menjual benih padi yang tidak sah,” katanya selepas melawat mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) di

sini kelmarin.

Menurut Sham, sekiranya berlaku kekurangan benih padi, pesawah boleh membuat aduan atau merujuk perkara itu kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) kawasan masing-masing.

Beliau berkata, contohnya di Bagan Serai, ada pesawah yang mengadu agak sukar mendapat benih padi dan beliau terus berhubung dengan pihak kawal selia bagi mendapat maklumat tentang dakwaan itu.

“Saya diberitahu stok bekalan benih padi mencukupi dan saya minta stok bekalan benih padi sebanyak 3,000 beg segera dihantar ke Bagan Serai,” katanya.

Sham berkata, apabila pesawah tidak dapat maklumat

yang tepat maka berlaku panik sehingga ada yang membeli bekalan benih beg putih yang tidak sah pada harga yang tinggi sehingga mencecah RM70 untuk satu beg 20 kilogram.

“Kerajaan telah mewartakan harga benih padi di pintu kilang pada harga RM41 dan PPK akan menjual kepada pesawah dengan harga RM45 dalam kuantiti yang sama,” katanya.

Semalam *Utusan Malaysia* melaporkan kerja-kerja menanam musim kedua padi di Perlis dan Kedah terganggu apabila kira-kira 90 peratus pesawah dalam Kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) gagal mendapatkan bekalan benih padi sah (BPS).

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 8 NOVEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Harga benih padi 'cekik darah' pesawah

TUMPAT: Petani di negeri ini menyifatkan kenaikan harga benih padi ketika ini sebagai 'cekik darah' sekali gus meletakkan mereka dalam keadaan tertekan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Che Harun Omar, 62, berkata, kenaikan itu menambah beban pesawah yang sebelum ini sudah pun berdepan dengan peningkatan harga input pertanian lain seperti racun dan baja.

Menurutnya, sebelum ini, harga satu beg seberat 20 kilogram benih padi dijual pada harga RM35 tetapi sekarang naik kepada RM45.

"Harga yang melambung itu dikesan selepas kerajaan men-

gumumkan kenaikan harga lantai padi baru-baru ini," katanya ditemui di Kampung Bendang Pak Yong di sini semalam.

Che Harun memberitahu, dia memerlukan lebih 300 guni benih padi setiap kali memulakan musim baharu tanaman padi.

"Bayangkan berapa banyak kos yang perlu ditambah untuk musim ini. Kenaikan ini cukup membebankan kerana dalam masa yang sama, racun juga naik harga," ujarnya.

Seorang lagi pesawah, Abdullah Mat Yusoff, 60, berkata, kerajaan perlu bertindak mengawal kenaikan harga benih padi yang melampau ini.

KERATAN AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 8 NOVEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA

'Bekalan lambat, kami beli benih padi sendiri'

SUNGAI PETANI – Sebilangan pesawah di kawasan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Kuala Muda Selatan yang gagal mendapatkan bekalan benih padi sah (BPS) terpaksa membeli sendiri tanaman itu bagi menampung kehidupan masa depan.

Pesawah dari Kampung Sintok Bugis, Kota Kuala Muda, dekat sini, Mohd. Farhan Mohamed, 38, berkata, dia membeli 300 kampak benih padi varieti MR297 sejak 10 hari lalu.

"Namun, ia masih tidak cukup bagi 34.53 hektar sawah yang saya usahakan. Saya berharap dapat bantuan bekalan.

"Sepatutnya kerja-kerja menabur benih telah selesai sejak Oktober lalu," katanya.

Semalam *Kosmo!* melaporkan proses penanaman padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) musim ini tidak mematuhi jadual ditetapkan apabila hanya merangkumi keluasan 10.6 peratus berbanding melebihi 50 peratus jika mengikut jadual asal.

Mengikut jadual penanaman pada musim ini, sebanyak 33,580 hektar kawasan sawah

MADA sepatutnya sudah mula ditabur BPS sejak 27 September hingga 11 November ini bagi fasa satu.

Menurut Mohd. Farhan, kebanyakan pesawah terpaksa membeli sendiri benih padi meskipun pada harga tinggi antara RM52 hingga RM54 bagi setiap kampak benih seberat 20 kilogram.

Pesawah Kampung Sungai Emas Kota Kuala Muda, Mohd. Yatim Ismail, 64, berkata, mereka sudah mula menabur benih padi sejak 10 hari lalu.

"Kami dah tak boleh berharap dengan bekalan benih padi sedia ada dan terpaksa beli sendiri benih padi dari luar.

"Krisis benih padi itu sememangnya memberi kesan kepada petani dan seharusnya ia ditangani segera supaya tidak berlanjutan dan menjejaskan bekalan beras negara," ujarinya.

Sebelum ini, Pertubuhan Persaudaraan Pesawah mendakwa, PPK di Kedah, Pulau Pinang dan Perak terus sukar mendapatkan bekalan BPS untuk dijual kepada petani pada harga RM45 setiap kampak seperti yang diselaraskan kerajaan.

PESAWAH terpaksa membeli benih padi sendiri untuk memulakan penanaman ekoran krisis yang melanda pesawah di utara tanah air. – GAMBAR HIASAN



Hanya 10.6 peratus kawasan MADA dapat tanam padi

ALOR SETAR – Pihak berkuasa MADA di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) berkata, hanya 10.6 peratus kawasan MADA dapat tanam padi pada musim ini. Pihak berkuasa MADA berkata, hanya 10.6 peratus kawasan MADA dapat tanam padi pada musim ini. Pihak berkuasa MADA berkata, hanya 10.6 peratus kawasan MADA dapat tanam padi pada musim ini.

KERATAN Kosmo! semalam.